

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA
DAN LUAR BANDAR SEBAGAI MENYAMBUT
HARI KENAL HURUF SEDUNIA
PADA 8 SEPTEMBER 1967**

Hari ini ialah Hari Mengenal Huruf Sedunia, iaitu satu hari yang mempunyai makna yang besar kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di dalam usahanya mendapatkan persefahaman di antara bangsa-bangsa dan mengekalkan keamanan dunia serta perasaan muhibah di antara manusia. Kepada kita di Malaysia, Hari Kenal Huruf Sedunia ini memberikan satu lagi galakkan bagi menguatkan keazaman kita membasmi buta huruf sebagai satu daripada usaha-usaha kerajaan untuk memberi kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat jelata.

Negara kita Malaysia, sebagaimana negara-negara yang sedang membangun, menghadapi masalah untuk membasmi buta huruf sepenuhnya. Masalah ini sedang dialami oleh penduduk-penduduk negara kita, terutama mereka di kawasan luar bandar yang tidak diberi peluang untuk mendapatkan pelajaran di dalam masa penjajahan dahulu.

Menurut banci tahun 1957, iaitu banci yang dijalankan sebelum negara kita mencapai kemerdekaan, ada kira-kira 2.4 juta rakyat di Malaysia Barat ini yang masih buta huruf. Adalah sekarang dijangka bahawa bilangan buta huruf itu adalah lebih besar daripada perkiraan dalam tahun 1957 itu oleh sebab tafsiran mengenai buta huruf yang digunakan pada masa itu ialah 'kebolehan menulis surat dan membaca notis kerajaan' iaitu tafsiran yang kurang daripada tujuan antarabangsa mengenai pembasmian buta huruf iaitu 'kebolehan menulis, membaca dan membuat kira-kira'.

Pada tahun 1963, apabila Malaysia ditubuhkan, bilangan orang-orang yang buta huruf di negara kita ini bertambah kira-kira 600,000 orang lagi. Yang demikian, masalah yang dihadapi oleh negara kita untuk menghapuskan buta huruf di kalangan rakyat adalah sangat besar.

Tetapi, marilah kita kaji apakah usaha-usaha yang telah dijalankan untuk membasmi buta huruf selama ini.

Sebelum tahun 1961, iaitu sebelum kita mempunyai peluang menjalankan rancangan pembangunan kita yang tulen dan yang pertama semenjak merdeka, bentuk rancangan Pelajaran Dewasa pada masa itu adalah sangat terhad dari segala segi. Tak dapat tidak hasilnya tentulah terhad. Orang-orang yang menikmatinya pula ialah penduduk-penduduk di kawasan bandar sahaja.

Ternyata pada akhir tahun 1960, usaha-usaha yang lebih besar mesti dijalankan sekiranya kita hendak berjaya memenuhi tujuan menghapuskan buta huruf. Kerajaan menganggap bahawa buta huruf adalah satu daripada masalah-masalah yang besar-besar yang menghalang kemajuan negara kita, terutama kemajuan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, yang mengandungi sekurang-kurangnya 60% daripada penduduk-penduduk tanah air kita. Yang

demikian kerajaan Perikatan telah membuat keputusan memasukkan rancangan pembasmian buta huruf di dalam rangka pembangunan negara keseluruhannya. Oleh sebab keputusan yang waras ini, maka rancangan Pelajaran Dewasa sekarang sudah menunjukkan hasil yang besar.

Kejayaannya ialah: pada akhir tahun 1966 kira-kira 720,000 dewasa yang buta huruf telah diberi latihan selama setahun di kelas-kelas Pelajaran Dewasa dan mereka sekarang dianggap, mengikut konsep antarabangsa, tidak lagi buta huruf. Tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya 230,000 rakyat Malaysia diberi latihan di kelas-kelas Pelajaran Dewasa yang berjumlah lebih kurang 12,000 buah di serata tanahair kita. Tiap-tiap tahun kira-kira \$10 juta dibelanjakan di dalam rancangan Pelajaran Dewasa ini supaya nikmatnya dapat dirasakan oleh rakyat di segala ceruk rantau negara kita.

Tetapi, bukanlah bilangan pelajar-pelajar ataupun jumlah wang yang telah dibelanjakan sahaja yang menjadi faktor yang harus dibanggakan. Yang penting sekali ialah kejayaan kita membawa suluh pelajaran bagi menerangkan kawasan-kawasan yang masih gelap akibat buta huruf.

Sebagai kita sedia maklum, buta huruf ialah satu rintangan yang menghalang manusia di dalam usaha mengekalkan keamanan di dunia. Seseorang yang buta huruf itu senang diperdayakan dan dijadikan mangsa orang-orang yang tamakkan kuasa. Apa yang dibimbangkan ialah kejahilan di kalangan manusia yang lemah dan tiada berpeluang mendapatkan pelajaran itu dijadikan batu loncatan untuk rebutan kuasa yang memusnahkan keamanan dunia serta persefahaman antara manusia.

Memanglah sudah diketahui bahawa tempat yang baik dan sesuai untuk menanam perasaan muhibah antara manusia untuk mengekalkan keamanan ialah di otak manusia. Apabila seorang itu tidak lagi buta huruf maka otaknya akan terbuka kepada dunia pengetahuan yang lebih luas. Sikapnya akan berubah dan ia mudah menerima lunas-lunas memupuk keamanan dan persefahaman antara manusia. Dan, yang penting sekali, ialah semangat mencintai keamanan makin bertambah. Dengan itu ia menjadi lebih cergas melakukan sesuatu untuk membela mengekalkan keamanan.

Buta huruf juga menghalang kemajuan. Ia tidak menolong rakyat mengikut perubahan masa. Ia menahan tiap-tiap usaha untuk mengubah sikap kemunduran di kalangan rakyat; ia menyekat perhubungan dan fikiran antara seseorang manusia dengan yang lain; ia menahan kecekapan dan kemajuan negara keseluruhannya.

Inilah antara sebab-sebabnya yang mendorong negara-negara, termasuklah Malaysia, menjalankan rancangan-rancangan untuk membasmi buta huruf dan memberi bantuan kepada usaha-usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, menerusi pertubuhan UNESCO, untuk menyatukan segala ikhtiar dan usaha antarabangsa di dalam bidang menghapuskan masalah penyakit buta huruf yang dihadapi oleh masyarakat.

Usaha-usaha kita untuk mengenenipkan rintangan di atas jalan menuju kemajuan dan kemakmuran ini seharusnya menerima sokongan daripada semua golongan yang inginkan kemajuan dan keamanan dunia.

Kepada kita di Malaysia ini, usaha-usaha membasmi buta huruf ialah anak

kunci yang penting untuk membuka pintu hala kemajuan dan kemakmuran. Kita tidak akan membina keturunan rakyat yang cergas, dinamis dan sihat jiwa dan raganya jika kita tidak membina pada masa ini rakyat yang betul-betul sedar dan bekerja ingin kepada kemajuan serta harmoni hendaklah dalam berkeadaan kenalkan huruf dengan sepenuh-penuhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Semenjak permulaan dalam tahun 1961, Rancangan Pelajaran Dewasa kita telah dijalankan dengan tidak terhad. Ianya dijalankan dengan luas untuk menjadikan rakyat, bukan semata-mata berjaya menulis dan membaca di dalam Bahasa Kebangsaan dan membuat kira-kira sahaja, tetapi ia telah disusun untuk membolehkan pelajar-pelajar kita mendapatkan ilmu pengetahuan yang lebih luas di dalam bidang ekonomi dan sosial.

Sebagai yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, pelajaran yang diberi di kelas-kelas Pelajaran Dewasa tidak terhad setahun sahaja bahkan disambungkan ke tiga tahun supaya pelajar-pelajar dapat mempelajari ilmu-ilmu seperti kewarganegaraan, Ekonomi Rumah tangga, Pengajian Agama Islam, Pertanian, Haiwan, Syarikat Kerjasama, Perusahaan-perusahaan Kampung, Ilmu Kesihatan dan lain-lain pelajaran lanjutan yang berguna, supaya selepas berjaya belajar Bahasa Kebangsaan, mereka boleh menambahkan kecekapan mereka sebagai warganegara yang berguna dan bertanggungjawab serta mahir di dalam perusahaan-perusahaan mereka masing-masing.

Oleh sebab susunan Rancangan Pelajaran Dewasa kita yang baik itu, maka negara kita, Malaysia dengan mudahnya dapat mengikuti konsep antarabangsa mengenai Rancangan Kenal Huruf Tugasan atau '*Functional Literacy*', iaitu pembasmian buta huruf yang dikaitkan kepada kecekapan seseorang di dalam pekerjaannya. Konsep ini telah diterima oleh UNESCO menurut satu usul yang dibuat oleh Kongres Menteri-menteri Pelajaran Se Dunia yang telah bersidang di Teheran dalam bulan September tahun 1965.

Saya kata begitu kerana Rancangan Pelajaran Dewasa kita sekarang ini telah daripada mulanya ditujukan untuk membina rakyat sesuai untuk peranan dan kekekapannya dalam pembangunan negara.

Kita sangat bangga di atas kejayaan kita semenjak negara kita mencapai kemerdekaan. Baharu sahaja seminggu kita telah merayakan dengan meriahnya Hari Ulangtahun ke-10 Kemerdekaan negara kita. Kita telah merayakan hari itu dengan besar-besaran oleh sebab kita berasa bahawa selepas mencapai 10 tahun kemerdekaan yang penuh dengan kemajuan dan kemakmuran, negara kita Malaysia sebagai negara yang masih muda telah berjaya memberi kepada rakyatnya nikmat yang berganda lebih daripada apa yang telah dinikmati oleh mereka dalam 100 tahun di bawah penjajahan.

Sekarang apabila negara kita melangkah ke tahun yang ke-11 semenjak kemerdekaan kita memandang ke hadapan dengan penuh keazaman untuk mencapai hasil yang lebih besar lagi. Kita sedar bahawa masa hadapan negara kita mengandungi cabaran-cabaran yang lebih rumit lagi. Kita sedar bahawa ada banyak masalah-masalah dan rintangan-rintangan.

Di peringkat sekarang ini, iaitu pada masa negara kita memerlukan segala tenaga manusia, maka segala rintangan termasuklah buta huruf mestilah

dihapuskan. Kerajaan Perikatan sentiasa berazam untuk mencapai dan memberikan pelajaran kepada semua rakyat Malaysia yang masih buta huruf, walau di mana sekalipun mereka berada, supaya mereka mahir di dalam Bahasa Kebangsaan dan dapat berhubung di antara satu dengan lain untuk menguatkan perpaduan negara sebagai rakyat Malaysia yang tulin.

Oleh yang demikian, marilah kita jadikan Hari Kenal Huruf Antarabangsa ini sebagai hari untuk kesedaran. Marilah kita semua rakyat Malaysia, terutama mereka yang bernasib baik, berkorban sedikit menolong mereka yang bernasib kurang baik dan masih buta huruf itu. Marilah kita memimpin mereka keluar dari dunia yang penuh kegelapan ke dunia yang penuh cahaya, pengetahuan dan harapan yang telah dan sedang dibina oleh Kerajaan Perikatan. Usaha-usaha tuan-tuan dan puan-puan itu akan dihargai sebagai jasa kepada negara dan bangsa, bahkan juga untuk mencapai persefahaman dan ikatan muhibah di antara bangsa.

Sebagai pesanan yang istimewa kepada semua Keluarga Dewasa – pelajar-pelajar, guru-guru, penyelia-penyelia, pegawai-pegawai sekalian – semua yang mengambil bahagian di dalam Rancangan Pelajaran Dewasa, dan juga kepada semua orang yang menolong mereka serta juga kepada pelajar-pelajar yang telah berjaya mengatasi buta huruf, saya ucapkan Selamat Maju Jaya dan ucapan terima kasih kerajaan. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan meneruskan segala usaha di dalam bidang pembasmian buta huruf ini untuk meninggikan kecekapan dan kebolehan negara kita mencapai kemajuan, kebahagiaan dan kemakmuran.

Rahsia mendapatkan kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara yang sedang membangun, seperti Malaysia ini, tidak terkandung di dalam usaha-usaha pembinaan projek-projek di sekeliling manusia sahaja. Ia memerlukan juga hasrat dan usaha untuk membina kebijaksanaan dan kemahiran manusia sendiri, iaitu rakyat yang memberi jiwa dan harapan kepada sesebuah negara.

Di dalam masa yang singkat 10 tahun yang lalu, Kerajaan Perikatan, dalam usahanya menghasilkan cita-cita rakyat yang telah memilihnya untuk berkuasa, tidak sekali-kali mengeneipkan faktor yang penting mengenai kemajuan jiwa dan raga rakyat jelata. Bahkan, kerajaan Perikatan telah melaksanakan lebih daripada yang dijangkakan.

Selain daripada kejayaan rancangan-rancangan yang dibuktikan di segala ceruk rantau negara kita, Kerajaan Perikatan, menerusi rancangan Pelajaran Dewasa, telah juga memberi layanan yang sewajarnya kepada golongan yang tidak bernasib baik, iaitu rakyat yang buta huruf, yang menjadi suatu punca tangga yang belum digunakan sepenuhnya.

Kerajaan Perikatan tidak akan berhenti setakat itu sahaja, bahkan akan meneruskan ikhtiar-ikhtiar dan usaha-usaha menghapuskan buta huruf. Bagi pihak kerajaan saya memberi pengakuan kepada rakyat bahawa tidak lama lagi negara kita, Malaysia yang muda ini, akan bebas daripada penyakit masyarakat yang berupa buta huruf itu.